

## 23 penuntut UiTM kibar Jalur Gemilang di

31 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Seramai 23 penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan cuba mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records dengan mengibar Jalur Gemilang sepanjang 3.1 kilometer di Tembok Besar China, Ahad ini.

Mereka akan cuba melakukannya di tembok itu

dalam keadaan suhu sejuk antara 3 hingga 7 Darjah Celsius dan berpuasa dalam usaha mencipta rekod baru itu.

Paling menyentuh perasaan, apabila peserta itu bertekad untuk menghadiahkan cabaran tersebut khas untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad yang akan bersara esok dan menggantikan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Projek Ekspedisi Mengibar Jalur Gemilang di Tembok Besar China 2003, Nur Azrul Che Zabani berkata, pasukan itu akan berlepas ke Beijing, China, esok.

## Tembok Besar China Ahad

Katanya, mereka yang menyertai cabaran ekspedisi ke Tembok Besar China itu terdiri daripada ahli-ahli Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) UiTM, Shah Alam.

“Mereka terdiri 13 wanita dan 10 lelaki yang dipilih daripada pelbagai fakulti di UiTM,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Menurut Nur Azrul, turut serta dalam ekspedisi tersebut adalah pegawai khas Malaysia Book of Records dan seorang lagi dari UiTM.

Mengulas lanjut cabaran tersebut, menurut Nur Azrul, beliau dan rakan-rakannya akan cuba mengibarkan Jalur Gemilang bersaiz 3.1 kilometer x 1 sentimeter.